

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : HARI PENUBUHAN KELAB KOMUNIKASI SELURUH
Lokasi : SRK. SULTAN ALAM SHAH, PETALING JAYA
Tarikh : 27-07-1983

Yang Berbahagia Encik Saw Chee Ling, Pengarah Pelajaran Selangor;

Yang Berusaha Pegawai-Pegawai Jabatan Pelajaran Selangor;

Guru Besar, SRK Sultan Alam Shah;

Ibu Bapa - Ibu Bapa;

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan;

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Pengarah Pelajaran Selangor dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pengelola Kelab Komunikasi Seluruh yang telah sudi menjemput saya untuk merasmikan pelancaran penubuhan Kelab Komunikasi Seluruh bagi sekolah-sekolah yang mempunyai kelas-kelas khas percantuman di Negeri Selangor pada pagi ini.

2. Rangkai kata 'Kelab Komunikasi Seluruh' ini, pada mulanya agak membingungkan saya juga tentang pengertiannya, tetapi setelah mendengar penjelasan daripada Pengarah Pelajaran Selangor dalam ucapannya tadi, maka saya percaya bahawa tuan-tuan dan puan-puan telah dapat memahami apakah komunikasi seluruh, atau "total communication" dalam konteks pendidikan bagi orang-orang cacat pendengaran.

3. Adalah jelas, bahawa untuk mendidik orang-orang cacat, iaitu sama ada mereka cacat pendengaran, penglihatan dan lain-lain kecacatan, adalah memerlukan kepakaran dan kaedah-kaedah pengajaran dan penyampaian yang khusus dalam bidang-bidang kecacatan itu sendiri supaya usaha pendidikan dapat dibuat dengan berkesan.

4. Bagi mencapai matlamat ini, kita memerlukan ramai pakar-pakar, guru-guru khas, serta ibu bapa yang penyayang dan penyabar untuk mendidik dan memimpin murid-murid yang malang itu. Dalam bidang kaedah dan "approach" pendidikan, saya percaya pihak Kementerian Pelajaran mempunyai kebolehan dan kepakaran bagi mencipta sepertimana baru-baru ini Kementerian Pelajaran telah berjaya mencipta 'kod braille Bahasa Malaysia' untuk kegunaan orang-orang cacat penglihatan. Saya telah difahamkan juga bahawa Kementerian Pelajaran sedang dalam proses untuk mengeluarkan sebuah lagi buku panduan iaitu 'Buku Bahasa Malaysia Kod Tangan' untuk murid-murid cacat pendengaran yang boleh digunakan untuk seluruh perhubungan dalam kehidupan mereka sehari-hari, sama ada sesama mereka yang cacat pendengaran ataupun pendengaran dengan orang biasa.

5. Menyentuh tentang murid-murid cacat, dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, ada dinyatakan bahawa kanak-kanak cacat kelihatan dan pendengaran hendaklah diberi segala kemudahan pendidikan sama seperti yang diberikan pada kanak-kanak biasa. Dan saya difahamkan bahawa sebab itulah maka kelas percantuman pelajaran khas telah diwujudkan di sekolah-sekolah biasa dengan tujuan untuk memberi peluang yang sama kepada kanak-kanak cacat dalam satu alam persekolahan dengan kanak-kanak biasa, dan dengan itu dapatlah mereka

menyesuaikan diri dalam masyarakat kelak.

6. Tujuan kelas percantuman di sekolah-sekolah adalah untuk membolehkan kanak-kanak cacat bercampur-gaul dengan murid-murid biasa. Matlamat ini tentu tidak mungkin tercapai sekiranya tidak ada suatu alat perantaraan yang boleh menghubungkan mereka untuk memahami antara satu dengan lain. Saya percaya, bahawa penubuhan Kelab Komunikasi Seluruh adalah satu cara yang dapat memenuhi keperluan ini.

7. Oleh itu, sukalah saya merayu kepada seluruh masyarakat, terutama sekali ibu bapa-ibu bapa kanak-kanak yang berkenaan supaya memberikan sokongan kepada Kelab ini sama ada dengan menjadi ahli, atau dengan menyumbangkan bantuan kewangan dan mata benda serta semangat bagi menjayakannya, agar tujuan dan matlamat utama penubuhan Kelab ini tercapai.

8. Saya berharap kepada guru-guru dan ibu-bapa murid-murid yang berkenaan supaya memberikan perhatian yang khas kepada murid-murid dan anak-anak cacat. Biasanya mereka sangat sensitif, dan perasaan mereka mudah tersinggung dan jauh hati. Hakikat ini haruslah difahami oleh masyarakat. Sebagai ibu, kita dapat merasakan betapa sedih dan tersinggungnya perasaan mereka yang cacat itu jika mereka diasingkan. Oleh itu, galakan dan segala perangsang patutlah diberi supaya mereka mempunyai semangat dan keyakinan diri dan ketabahan hati untuk menghadapi masa depan walaupun mereka cacat.

9. Saya juga berharap agar Kelab Komunikasi Seluruh ini bukan sahaja dianjurkan oleh sekolah-sekolah, tetapi juga oleh persatuan-persatuan orang cacat, supaya golongan yang cacat ini dapat berhubung dalam segala kegiatan-kegiatan orang biasa sebagai penerimaan masyarakat terhadap mereka.

10. Kepada Guru-Besar Guru-Besar dan guru-guru pelajaran khas di sekolah-sekolah yang berkenaan, saya berseru dan berharap supaya mereka akan terus melanjutkan perkhidmatan Kelab Komunikasi Seluruh ini dengan kerjasama ibu bapa dan penjaga murid-murid. Galakan dan latihan kepada murid-murid, terutama mereka yang cacat pendengaran, dengan cara-cara berkomunikasi hendaklah diutamakan supaya mereka mudah berhubung serta dapat menyatakan fikiran dan pendapat mereka dengan berkesan. Bagi murid-murid biasa pula, satu lagi bahasa yang membolehkan mereka berkomunikasi dengan murid-murid cacat pendengaran akan dapat dipelajari selain dari Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan bahasa Ibunda mereka sendiri.

11. Akhirnya, saya sudah dengan mengucapkan tahniah, syabas dan terima kasih kepada Pengarah Pelajaran Selangor, Pegawai-pegawai Jabatan Pelajaran Selangor, para Guru-Besar para guru pelajaran khas, dan mereka yang berkenaan yang telah berusaha, merancang, mencipta dan menjayakan projek Kelab Komunikasi Seluruh ini. Saya berdoa agar usaha tuan-tuan dan puan-puan itu akan mencapai hasil yang baik dan berjaya.

12. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Penubuhan Kelab Komunikasi Seluruh, peringkat Negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.